



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 69  
Bil. 23

**10hb November 2016**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

**No. 3500.**

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN (EKSAIS)

Dengan ini diberitahu bahawa Lembaga Pelesen (Eksais) bagi Daerah Kerian akan mengadakan persidangannya pada 7 Disember 2016 hari Rabu jam 9.30 pagi di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Kerian bagi menimbangkan permohonan-permohonan seperti berikut:

- (a) Permohonan memperbaharui Lesen Rumah Awam bagi Tempoh Separuh Tahun Pertama 2017 (01.01.2017 — 30.06.2017);
  - (b) Permohonan memperbaharui Lesen Minuman Keras secara Runcit bagi Tempoh Separuh Tahun Pertama 2017 (01.01.2017 — 30.06.2017);
  - (c) Permohonan memperbaharui Lesen Minuman Keras secara Runcit, Borong, Rumah Awam dan Rumah Bir bagi Tempoh Separuh Tahun Pertama 2017 (01.01.2017 — 30.06.2017).
2. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Akta Eksais 1976 — Permohonan Untuk Lesen Bagi Menjual Minuman Yang Memabukkan.
  3. Semua permohonan lesen baharu hendaklah menyertakan sembilan (9) salinan sijil pendaftaran perniagaan yang sah. Pemohon juga dihendaki mengiklankan permohonannya di dalam dua (2) jenis surat khabar berbahasa Melayu dan Inggeris dengan perbelanjaan sendiri serta iklan itu perlu dipamerkan di hadapan pintu perniagaannya dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh iklan.

4. Mana-mana bantahan terhadap permohonan lesen baharu hendaklah disampaikan kepada Pengerusi Lembaga Pelesen (Eksais) Daerah Kerian d/a Pejabat Daerah dan Tanah Kerian, 34200 Parit Buntar dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengiklanan.

Bertarikh 31 Oktober 2016  
[PD.KRN. 04/12/01/02]

MOHD SABLI BIN BAKRI  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pelesen (Eksais)*  
*Daerah Kerian*

**No. 3501.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS DAERAH TAPAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Daerah Tapa bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (*Akta 171*). Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggung saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko

salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

#### Pendapat

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Tapah pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) di Malaysia, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 53, Akta tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Daerah Tapah bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah selaras dengan peruntukan Akta tersebut, dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.

IPOH

Bertarikh 24 Ogos 2016

t.t.

(BARIDATUL ANITA BINTI HAJI BIDIN)

*b.p. Ketua Audit Negara*

*Malaysia*

#### PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Hj. Zainuddin bin Zainal Abidin dan Santhanasamy a/l A. Muthiah yang merupakan Ahli Majlis, Majlis Daerah Tapah dengan ini menyatakan bahawa pendapat kami Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan

Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Tapah pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

HJ. ZAINUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN  
*Ahli Majlis*  
*Majlis Daerah Tapah*  
*Tarikh: 22 Ogos 2016*

SANTHANASAMY A/L A. MUTHIAH  
*Ahli Majlis*  
*Majlis Daerah Tapah*  
*Tarikh: 22 Ogos 2016*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Haji Muhamad Sahlan bin Husnin, A.M.P. pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Tapah dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh )  
penama yang tersebut di atas )  
di Tapah pada 24 Ogos 2016 )

t.t.  
.....  
HAJI MUHAMAD SAHLAN BIN HUSNIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Daerah Tapah*

Di hadapan saya,

t.t.  
Pesuruhjaya Sumpah  
Malaysia

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	16,291,271	16,659,709
<b>ASET SEMASA</b>			
Penghutang	4	4,592,376	4,512,640
Bayaran Terdahulu	5	6,925	6,925
Simpanan Tetap	6	51,562	51,562
Wang di Bank dan di Tangan	7	2,702,258	1,572,632
		<hr/>	<hr/>
		7,353,121	6,143,759
		<hr/>	<hr/>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pemiutang	8	805,853	1,286,660
Terimaan Terdahulu	9	63,687	108,123
Cagaran Diterima dan Wang Amanah	10	3,774,127	1,365,586
		<hr/>	<hr/>
		4,643,667	2,760,369
		<hr/>	<hr/>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		2,709,454	3,383,390
		<hr/>	<hr/>
		19,000,725	20,043,099
		<hr/>	<hr/>
<b>Dibiayai Oleh:</b>			
Kumpulan Wang	11	3,624,753	4,425,234
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	12	15,375,972	15,617,865
		<hr/>	<hr/>
		19,000,725	20,043,099
		<hr/>	<hr/>

PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Hasil Cukai	13	4,537,771	4,318,491
Hasil Bukan Cukai	14	2,844,061	2,722,703
Terimaan Bukan Hasil	15	2,819,135	2,912,783
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		10,200,967	9,953,977
<b>PERBELANJAAN</b>			
Emolumen	16	5,298,415	5,085,475
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	17	4,387,187	4,459,001
Harta Modal	18	5,405	11,304
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	19	119,278	98,241
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	20	308,711	151,156
Susutnilai	3	651,116	678,527
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		10,770,112	10,483,704
<b>KURANGAN PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN</b>		(569,145)	(529,727)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Kumpulan Wang Terkumpul	Kumpulan Wang Lain-Lain	Jumlah
	RM	RM	RM
Baki pada 1hb. Jan 2014	3,912,126	655,195	4,567,321
Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan	(529,727)	0	(529,727)
Pelarasan	1,545	0	1,545
Tambahan Sumbangan Semasa Perbelanjaan	0	821,785	821,785
	0	(455,690)	(455,690)
Pindahan Wang dari Kumpulan Wang Peruntukan Ahli Majlis	0	20,000	20,000
<b>Baki Pada 31hb. Dis. 2014</b>	3,383,944	1,041,290	4,425,234

PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(Sambungan)

	Kumpulan Wang Terkumpul	Kumpulan Wang Lain-Lain	Jumlah
	RM	RM	RM
Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan Semasa	(569,145)	0	(569,145)
Pelarasan	181,426	0	181,426
Pindahan Wang dari Kumpulan Wang Peruntukan Ahli Majlis	0	0	0
Tambahan Sumbangan Semasa Perbelanjaan	0	1,066,348	1,066,348
	0	(1,479,110)	(1,479,110)
Baki Pada 31hb. Dis 2015	2,996,225	628,528	3,624,753

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI

	2015 RM	2014 RM
Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan	(569,145)	(529,727)
Pelarasan untuk Perkara-Perkara Yang Tidak Melibatkan Tunai		
Pelarasan Tahun Semasa	0	1,545
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	651,116	678,527
Keuntungan Atas Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan	(20,098)	(8,449)
Wang Jaminan Pelaksanaan	0	(18,783)
Pelarasan Aset dan Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	0	(1)
Pindahan dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	(524,571)	(538,853)
Pendapatan Faedah Dan Perolehan dari Pelaburan	(14,115)	(13,476)
Hapuskira Penghutang	263,014	0
Kurangan Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	(213,799)	(429,217)

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(Sambungan)

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI—(Sambungan)

	2015 RM	2014 RM
Perubahan Modal Kerja		
Pengurangan dalam Penghutang	(161,324)	(225,593)
(Pengurangan)/Pertambahan dalam Pemiutang	(480,807)	671,942
(Pengurangan)/Pertambahan dalam Terimaan Terdahulu	(44,436)	44,604
Pertambahan dalam Cagaran Diterima dan Wang Amanah	2,408,539	176,305
	-----	-----
Tunai Bersih Dihasilkan Daripada Aktiviti Operasi	1,508,173	238,041
Penerimaan faedah dan perolehan dari pelaburan	14,115	13,476
	-----	-----
Aliran Tunai Bersih Dihasilkan Daripada Aktiviti Operasi	1,522,288	251,517
	-----	-----

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN

	Nota	2015 RM	2014 RM
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	A	0	(13,920)
Terimaan daripada jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		20,100	8,450
		-----	-----
Aliran Tunai Bersih Dihasilkan Daripada/ (Digunakan Dalam) Aktiviti Pelaburan		20,100	(5,470)
		-----	-----

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN

	Nota	2015 RM	2014 RM
Kumpulan Wang Pembasmian Kemiskinan		20,813	(39,650)
Kumpulan Wang Pembangunan		(412,203)	443,843
Kumpulan Wang Kampung Tersusun		2	(9,166)
Kumpulan Wang Kaunselor		(21,374)	(8,932)
		-----	-----
Aliran Tunai Bersih (Digunakan Dalam)/Dihasilkan Daripada Aktiviti Kewangan)		(412,762)	386,095
		-----	-----



## TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	Nota	2015 RM	2014 RM
Pertambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai dalam tahun		1,129,626	632,142
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari		1,624,194	992,052
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	B	2,753,820	1,624,194

## A. Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan

Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan Majlis Daerah Tapah adalah melalui kaedah pembelian yang berikut:

	2015 RM	2014 RM
Tambahan Hartanah, Loji dan Peralatan	282,680	416,029
Tolak: Pemberian Kerajaan Yang Dipermodalkan	(282,680)	(402,109)
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan Secara Tunai	–	13,920

## B. Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan Kesetaraan Tunai yang ditunjukkan di dalam Lembaran Imbangan adalah terdiri daripada komponen-komponen yang berikut:

	2015 RM	2014 RM
Wang di bank dan di tangan	2,702,258	1,572,632
Simpanan Tetap	51,562	51,562
	2,753,820	1,624,194

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 DISEMBER 2015

## 1. MAKLUMAT ORGANISASI

## 1.1 VISI

Menjadikan kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tapah yang bersih, mampan, progresif, sejahtera dan makmur.

## 1.2 AKTIVITI UTAMA

Memastikan penduduk menikmati kualiti hidup yang sempurna di samping mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan pelancongan dengan pembinaan gerai-gerai dan bangunan perniagaan. Sehubungan dengan itu, sewaan, pelesenan dan cukai taksiran telah dikenakan kepada orang awam untuk menambahkan pendapatan Majlis. Usaha-usaha mengutip tunggakan hasil juga sedang giat dijalankan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Majlis Daerah Tapah.

## 1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Pengurusan Majlis terdiri daripada 13 jabatan iaitu:

- 1.3.1 Jabatan Khidmat Pengurusan
- 1.3.2 Jabatan Perbendaharaan
- 1.3.3 Jabatan Kejuruteraan dan Bangunan
- 1.3.4 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- 1.3.5 Jabatan Perancang, Perlancongan dan Lanskap
- 1.3.6 Jabatan Pelesenan
- 1.3.7 Jabatan Teknologi Maklumat
- 1.3.8 Jabatan Perundangan
- 1.3.9 Jabatan Penguatkuasaan
- 1.3.10 Jabatan Kawalan Vektor dan Kebersihan Premis
- 1.3.11 Jabatan Perkhidmatan Bandar
- 1.3.12 Jabatan Audit Dalam
- 1.3.13 Jabatan Unit Pusat Setempat

## 1.4 RINGKASAN PERJAWATAN

Kumpulan Perjawatan	Perjawatan	Taraf Jawatan	Diisi
Pengurusan & Professional	5	Tetap	5
Sokongan 1	52	Tetap Kontrak	44 11
Sokongan 11	106	Tetap Kontrak	68 2

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

### 2.1 Asas Perakaunan

- 2.1.1 Penyata Kewangan ini disediakan mengikut konvensyen kos sejarah.

### 2.1.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

#### Pendapatan:

##### i. Hasil Kendalian/Operasi

Hasil daripada kendalian/operasi seperti cukai taksiran am, sewaan dan faedah akan diiktiraf sebagai pendapatan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Mana-mana hasil kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai iaitu sewa padang dan gelanggang, perabut, jentera dan kenderaan. Denda lewat, Notis E dan Waran F tidak menggunakan asas akruan kerana caj yang dikenakan adalah berdasarkan tahun semasa.

##### ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan di mana perlu.

##### iii. Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambilkira berdasarkan asas tunai.

#### Perbelanjaan:

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

### 2.1.3 Peruntukan

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Majlis mempunyai kewajipan semasa disebabkan oleh peristiwa lampau dan berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat dari segi ekonomi diperlukan untuk menjelaskan kewajipan tersebut dan satu anggaran yang berwibawa boleh dibuat atas jumlah berkenaan.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh lembaran imbangan dan dilaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terkini. Apabila kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan nilai semasa adalah bersamaan dengan perbelanjaan diperlukan untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

## 2.2 Hartanah, Loji Dan Peralatan

Aset yang berjumlah RM1,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Bagi aset yang berjumlah kurang dari RM1,000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan mulai tahun 2009.

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Majlis mengkaji nilai asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, kemerosotan nilai diukur dengan membandingkan nilai buku aset tersebut dengan jumlah yang boleh diperolehi daripadanya. Jumlah yang boleh diperolehi adalah nilai tertinggi antara harga jualan bersih dan nilai kegunaan yang diukur dengan merujuk kepada aliran tunai masa hadapan yang didiskaun.

Sebarang kemerosotan nilai adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan pada penyata pendapatan dengan segera. Apabila kemerosotan nilai bagi aset yang diiktiraf pada tahun-tahun sebelumnya tidak lagi atau telah berkurangan, pembalikan kemerosotan nilai akan dicatatkan.

#### Susutnilai dan Pelunasan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai menggunakan asas sama rata supaya kos harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang tempoh jangkaan usia guna harta tersebut.

2.2.1 Susutnilai adalah diperuntukkan dan dikira berdasarkan kaedah garis lurus. Peruntukan amaun susutnilai bagi sesuatu aset adalah jumlah yang boleh disusutnilai daripada aset tersebut bagi tempoh hayat boleh guna yang dijangkakan.

#### 2.2.2 Pengiktirafan Susutnilai

Pengiktirafan susutnilai atas aset dilakukan hanya bagi pembelian harta sebelum atau pada 30hb Jun setiap tahun dengan mengambilkira jumlah peruntukan susutnilai untuk setahun tanpa mengambilkira bulan beli.

2.2.3 Kadar-kadar tahun yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan	:	2% – 10%	Setahun
Kenderaan	:	20%	Setahun
Mesin dan Loji	:	33.30%	Setahun
Alat Kelengkapan Pejabat	:	10% – 33.30%	Setahun

#### 2.2.4 Pelunasan tanah

Pelunasan tanah adalah dikira berdasarkan pajakan selama 60 tahun dan 99 tahun. Tanah milik bebas tidak disusutnilai.

### 2.3 Caruman Bantuan Kadar

Pemberian Caruman Bantuan Kadar adalah berdasarkan kepada caruman/pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan dan lain-lain pihak yang terlibat direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

## 2.4 Geran Kerajaan

- 2.4.1 Geran Kerajaan yang berkaitan dengan harta tetap adalah diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan mengikut anggaran jangka hayat harta tersebut. Pendapatan ditundakan mengikut amaun susutnilai tahunan bersamaan dengan tempoh hayat aset berkenaan dan dipersembahkan dalam Lembaran Imbangan sebagai Pemberian Kerajaan Yang Dipermodalkan.
- 2.4.2 Geran-geran Kerajaan yang diterima selain daripada Geran yang berkaitan dengan harta tetap diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun diterima tanpa wujudnya tunggakan penerimaan Geran Kerajaan di dalam Penyata Kewangan semasa.
- 2.4.3 Waran tidak diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan kecuali geran dalam bentuk cek.
- 2.4.4 Pelupusan atau penjualan harta tetap dari pemberian kerajaan yang dipermodalkan diiktiraf sebagai pendapatan.
- 2.4.5 Kerja dalam pelaksanaan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

## 2.5 Pinjaman

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak yang diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di dalam Kunci Kira-kira sebagai Pinjaman Jangka Panjang. Jumlah bayaran balik pula dinyatakan sebagai Pinjaman Jangka pendek yang mengurangkan Pinjaman Jangka Panjang mengikut jumlah yang sama.

## 2.6 Kemudahan

Kemudahan yang berkaitan dengan kepentingan awam tidak diiktiraf sebagai harta dan tidak dipermodalkan.

## 2.7 Pertaruhan Dan Terimaan Terdahulu

Pertaruhan pelbagai diterima daripada orang awam untuk bayaran cagaran sewa, lesen dan bayaran menjamin kebersihan. Wang Amanah Awam pula diterima daripada individu, waran dari Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk menyelenggarakan sesebuah aktiviti.

## 2.8 Penghutang

Nilai buku penghutang adalah bersamaan dengan nilai realisasinya. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kajian semua jumlah tertunggak pada tarikh lembaran imbangan. Penghutang dinyatakan setelah ditolak elaun hutang ragu. Elaun hutang ragu dikira secara umum sebanyak 5% daripada jumlah penghutang bersih pada akhir tahun kewangan.

## 2.9 Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama pembayaran yang akan dibuat pada masa hadapan bagi barangan atau perkhidmatan yang diterima.

## 2.10 Manfaat Kakitangan

Manfaat jangka pendek

Gaji, bonus, caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan Majlis. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan yang menambah kelayakan mereka untuk mendapatkan pampasan ketidakhadiran pada masa hadapan, manakala pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

Pelan Caruman Bertakrif

Majlis membuat caruman kepada Skim Pencen Negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan apabila ditanggung.

## 2.11 Cukai Barang dan Perkhidmatan

Mulai pada 1 April 2015 Majlis telah melaksanakan GST berdasarkan Bahagian 8, Seksyen 64 Akta Cukai Barangan Dan Perkhidmatan 2014. GST tidak dikenakan bagi perkhidmatan yang berkaitan dengan fungsi penguatkuasaan dan kawalselia seperti cukai taksiran, lesen, denda dan hukuman. Terdapat 2 jenis cukai seperti berikut:

### i) Cukai Output

Cukai yang dikenakan ke atas hasil yang diterima daripada pengguna. Aktiviti yang melibatkan perkhidmatan terus rakyat. GST diserap oleh majlis manakala aktiviti yang berbentuk komersial GST dikenakan kepada pengguna. Pengiraan GST berdasarkan asas tunai.

### ii) Cukai Input

Adalah cukai ke atas perolehan barang dan perkhidmatan Pengiraan GST cukai input berdasarkan asas tunai.

## 2.12 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki-baki, simpanan dalam bank dan pelaburan jangka pendek yang amat

---

---

mudah cair yang boleh ditukar dengan mudah kepada tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak setara.

### 2.13 Penurunan nilai-nilai aset

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Majlis menilai sama ada terdapat sebarang tanda sedemikian, anggaran bagi jumlah aset yang boleh diperolehi semula akan dilakukan.

Bagi muhibah dan harta tidak ketara yang mempunyai jangka masa penggunaan yang tidak menentu atau belum lagi sedia untuk digunakan, jumlah yang boleh diperolehi dianggarkan pada setiap tarikh laporan.

Kerugian penurunan nilai diiktiraf jika jumlah dibawa sesebuah aset atau unit menjana tunainya melebihi jumlah yang diperolehinya. Sesuatu unit yang menjana tunai adalah kumpulan aset boleh dikenal pasti paling kecil menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya adalah bebas daripada aset dan kumpulan lain.

Kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian penurunan nilai diiktiraf dari sudut unit menjana nilai diperuntukkan terlebih dulu untuk mengurangkan jumlah dibawa sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit dan kemudian, mengurangkan jumlah dibawa aset lain dalam unit (kumpulan unit) pada asas menurut kadar atau pro rata.

Jumlah yang boleh diperolehi bagi aset atau unit menjana tunai adalah nilai penggunaan yang lebih besar dan nilai saksamanya ditolak kos untuk jualan. Dalam mengukur nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko aset tertentu.

Kerugian penurunan nilai dari segi muhibah adalah tidak ditimbal balik. Dari segi aset lain, kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam tempoh terdahulu adalah dinilai pada tarikh laporan untuk sebarang tanda bahawa kerugian telah berkurangan atau tidak lagi wujud. Kerugian penurunan nilai ditimbal balik jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh diperolehi. Kerugian penurunan nilai ditimbal balik hanya apabila jumlah aset dibawa tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin ditentukan, nilai bersih susutnilai atau pelunasan, jika tiada kerugian penurunan nilai diiktiraf. Timbal balik kerugian penurunan nilai dikreditkan ke penyata pendapatan pada tahun timbal balik itu diiktiraf.

## 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

## 3.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

2015	Tanah Milik Bebas RM	Tanah Milik Pajak RM	Bangunan RM	Kenderaan RM	Loji dan Mesin RM	Kelengkapan Pejabat RM	Jumlah RM
Kos Asal/Nilai							
Baki Awal Tahun	190,000	193,555	20,485,226	2,616,786	308,983	1,123,685	24,918,235
Tambahan	0	0	256,000	0	0	26,680	282,680
Pelupusan	0	0	0	(196,089)	0	0	(196,089)
Pelarasan Baki Awal	0	0	0	0	0	0	0
Baki Akhir Tahun	190,000	193,555	20,741,226	2,420,697	308,983	1,150,365	25,004,826
Susutnilai Berkumpul							
Baki Awal Tahun	0	49,639	4,994,394	1,821,349	297,513	1,095,631	8,258,526
Susutnilai Semasa	0	1,955	381,851	240,084	8,347	18,879	651,116
Pelupusan	0	0	0	(196,087)	0	0	(196,087)
Pelarasan Baki Awal	0	0	0	0	0	0	0
Baki Akhir Tahun	0	51,594	5,376,245	1,865,346	305,860	1,114,510	8,713,555
Nilai Buku Bersih	190,000	141,961	15,364,981	555,351	3,123	35,855	16,291,271
2014	Tanah Milik Bebas RM	Tanah Milik Pajak RM	Bangunan RM	Kenderaan RM	Loji dan Mesin RM	Kelengkapan Pejabat RM	Jumlah RM
Kos Asal/Nilai							
Baki Awal Tahun	190,000	193,555	20,086,317	2,700,426	305,393	1,110,155	24,585,846
Tambahan	0	0	398,909	0	3,590	13,530	416,029
Pelupusan	0	0	0	(83,640)	0	0	(83,640)
Pelarasan Baki Awal	0	0	0	0	0	0	0
Baki Akhir Tahun	190,000	193,555	20,485,226	2,616,786	308,983	1,123,685	24,918,235
Susutnilai Berkumpul							
Baki Awal Tahun	0	47,684	4,601,147	1,664,903	289,227	1,060,677	7,663,638
Susutnilai Semasa	0	1,955	393,247	240,085	8,286	34,954	678,527
Pelupusan	0	0	0	(83,639)	0	0	(83,639)
Pelarasan Baki Awal	0	0	0	0	0	0	0
Baki Akhir Tahun	0	49,639	4,994,394	1,821,349	297,513	1,095,631	8,258,526
Nilai Buku Bersih	190,000	143,916	15,490,832	795,437	11,470	28,054	16,659,709

## 4. PENGHUTANG

	2015 RM	2014 RM
Cukai Taksiran Am	3,099,676	3,193,453
Carum Bantu Kadar	796,574	730,523
Sewa	831,315	744,012
Pelbagai	19,795	4,325
	4,747,360	4,672,313



	2015 RM	2014 RM
Tolak: Elaun Hutang Ragu		
Cukai Taksiran	(154,984)	(159,673)
	<u>4,592,376</u>	<u>4,512,640</u>
<b>5. BAYARAN TERDAHULU</b>		
Wang Pertaruhan:		
Tenaga Nasional Berhad, Bidor	4,320	4,320
Tenaga Nasional Berhad, Kampar	1,500	1,500
Lembaga Air Perak	605	605
Jabatan Kerja Raya, Perak	500	500
	<u>6,925</u>	<u>6,925</u>
<b>6. SIMPANAN TETAP</b>		
Baki pada 1hb Januari	51,562	50,000
Penambahan dalam tahun	0	200,000
Faedah masuk amaun pokok	2,380	1,562
	<u>53,942</u>	<u>251,562</u>
Pengeluaran dalam tahun	(2,380)	(200,000)
Baki pada 31hb Disember	<u>51,562</u>	<u>51,562</u>
<b>7. WANG DI BANK DAN DI TANGAN</b>		
Wang Dalam Bank		
Akaun MBB 40435-1	1,956,820	489,354
Akaun Kg. Tersusun	103,649	103,647
Akaun Program Pembasmian Kemiskinan	118,615	97,802
Akaun Pendahuluan Pinjaman	24,874	24,874
Akaun Pembangunan	360,445	772,649
Akaun Kaunselor	20,944	42,318
Akaun BSN – Cukai Taksiran	60,792	1,745
Akaun CIMB	55,119	39,243
Panjar Wang Runcit	1,000	1,000
	<u>2,702,258</u>	<u>1,572,632</u>

8. PEMIUTANG	2015 RM	2014 RM
Pelbagai Pemiutang	805,853	1,286,660
	<u>805,853</u>	<u>1,286,660</u>
9. TERIMAAN TERDAHULU		
Cukai Taksiran Am	59,305	99,356
Sewaan	4,382	8,767
	<u>63,687</u>	<u>108,123</u>
10. CAGARAN DITERIMA DAN AMANAH		
Wang Pertaruhan Diterima	1,020,811	857,452
Wang Amanah Awam	2,753,316	508,134
	<u>3,774,127</u>	<u>1,365,586</u>
11. KUMPULAN WANG		
11.1 Kumpulan Wang Terkumpul		
Kurangan Pendapatan atas Perbelanjaan bagi Tahun	(569,145)	(529,727)
Baki pada 1hb Januari		
Seperti yang dilaporkan dahulu:	3,383,944	3,912,126
Pindahan	0	0
Pelarasan	181,426	1,545
	<u>3,565,370</u>	<u>3,913,671</u>
Seperti yang dinyatakan semula	3,565,370	3,913,671
Baki pada 31hb. Disember	<u>2,996,225</u>	<u>3,383,944</u>
Pelarasan:		
Penghutang – Cukai Taksiran	162,648	9,126
Penghutang – Sewaan Yang Lain	7,843	210
Penghutang – Sewa Gerai	1,042	(2,184)
Akaun Bank – 40435-1	0	(3,447)
Pemiutang – Terimaan Terdahulu Cukai Taksiran	124	277
Pelupusan	0	1
Simpanan Tetap	0	1,562
Tabung Amanah	0	(4,000)
Pemiutang – Cek Tamat Tempoh	9,769	0
	<u>181,426</u>	<u>1,545</u>

	2015 RM	2014 RM
11.2 Kumpulan Wang Pembasmian Kemiskinan:		
Baki pada 1hb Jan:	97,802	137,452
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	88,926	63,693
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(68,113)	(103,343)
Baki pada 31hb Dis:	118,615	97,802
11.3 Kumpulan Wang Pembangunan		
Baki pada 1hb Jan:	772,649	328,806
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	975,680	776,517
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(1,387,883)	(332,674)
Baki pada 31hb Dis:	360,446	772,649
11.4 Kumpulan Wang Rancangan Kampung Tersusun:		
Baki pada 1hb Jan:	103,647	112,813
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	1,040	1,087
Tolak: Pembayaran dalam Tahun	(1,038)	(10,253)
Baki pada 31hb Dis:	103,649	103,647
11.5 Kumpulan Wang Pendahuluan Pinjaman Komputer:		
Baki pada 1hb Jan:	24,874	24,874
Tambah: Penerimaan dalam Tahun	0	0
Baki pada 31hb Dis:	24,874	24,874
11.6 Kumpulan Wang Kaunselor:		
Baki pada 1hb Jan:	42,318	51,250
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	702	488
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(22,076)	(9,420)
Baki pada 31hb Dis:	20,944	42,318
Jumlah Kumpulan Wang	3,624,753	4,425,234

## 12. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

Ini merupakan geran kerajaan berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan.

2015	Baki Pada 1 Januari	Tambahan/ Pelarasan	Reklasifikasi	Pelarasan	Jumlah diperuntukkan Kpd Pendapatan Jangka Masa	Baki Pada 31 Disember
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	14,975,348	256,000	0	0	(360,077)	14,871,271
Kenderaan	633,445	0	0	(2)	(158,356)	475,087
Loji dan Mesin	5,773	0	0	0	(5,067)	706
Kelengkapan Pejabat	3,299	26,680	0	0	(1,071)	28,908
	15,617,865	282,680	0	(2)	(524,571)	15,375,972

Bagi dewan Muhibbah Sungkai, sebanyak RM18,783.45 masih ditahan oleh Jabatan Akauntan Negara sebagai Wang Jaminan Perlaksanaan.

2014	Baki Pada 1 Januari	Tambahan/ Pelarasan	Reklasifikasi	Pelarasan	Jumlah diperuntukkan Kpd Pendapatan Jangka Masa	Baki Pada 31 Disember
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	14,966,696	380,126	0	0	(371,474)	14,975,348
Kenderaan	791,802	0	0	(1)	(158,356)	633,445
Loji dan Mesin	10,469	0	0	0	(4,696)	5,773
Kelengkapan Pejabat	4,426	3,200	0	0	(4,327)	3,299
	15,773,393	383,326	0	(1)	(538,853)	15,617,865

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA